

09 JUL 2001

Likas-Isu

ISU YANG BAKAL DIGUNAKAN PEMBANGKANG SUDAH DIKENAL PASTI

KOTA KINABALU, 9 Julai (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah Datuk Osu Sukam berkata pihaknya telahpun mengenal pasti isu-isu yang akan digunakan oleh parti pembangkang dalam kempenya menjelang pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Likas.

Hasil daripada kerja awal oleh jentera pilihan raya Umno, isu-isu itu telahpun dikenal pasti, katanya.

"Oleh itu, Umno sudah bersedia untuk memberikan jawapan kepada isu-isu yang akan digunakan oleh pihak tertentu kepada pengundi," kata Osu kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat badan itu hari ini.

Mesyuarat itu turut dihadiri Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob. yang juga Setiausaha Agung Umno.

Osu berkata anggota parti komponen Barisan Nasional (BN) negeri memperolehi semangat baru dalam menghadapi pilihan raya kecil yang ditetapkan pada 21 Julai ini terutama selepas menghadiri Konvensyen BN di Kuala Lumpur pada Sabtu lepas.

Ditanya mengenai kenyataan Setiausaha Agung BN Tan Sri Mohamed Rahmat mengenai kemungkinan Parti Maju Sabah (SAPP), salah satu daripada komponen parti BN Sabah, dipilih mewakili BN dalam pilihan raya kecil itu, Osu berkata isu itu tidak dibincangkan dalam mesyuarat itu.

Badan Perhubungan Umno Negeri menyerahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Presiden Umno dan Pengerusi BN untuk membuat keputusan mengenai soal calon BN, katanya.

-- BERNAMA

HAK NMO